

## **KEMPEN ISTIMEWA KAKITANGAN KERAJAAN**

### **TERMA DAN SYARAT**

#### **A. Syarat-Syarat dan Kelayakan Kempen**

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat dari Sektor Awam / Kakitangan Awam yang telah berdaftar melalui SMS atau menggunakan kod QR BRICK yang terdapat di laman web Bank Rakyat.
2. Pelanggan hendaklah membuat pendaftaran awal untuk menyertai kempen dengan cara berikut:

##### **a) Bagi Pelanggan Sedia Ada (ETB)**

- i. Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)\* akan dihantar kepada pelanggan sedia ada (ETB) yang terpilih mulai Oktober 2024 sehingga 31 November 2024.
- ii. Mana-mana pelanggan yang menjawab AWAM YA pada SMS yang diterima akan didaftarkan sebagai pelanggan yang layak menyertai kempen melalui sistem BRICK.

##### **b) Bagi Pelanggan Baru (NTB)**

- i. Visual berkaitan kempen akan dipaparkan pada media sosial termasuk pada pautan Bank. Pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen hanya perlu mendaftar menggunakan kod QR BRICK yang disertakan.
- ii. Langkah-langkah untuk mendaftar disertakan bersama sebagai panduan untuk pendaftaran bagi menyertai kempen ini.
- iii. Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Panggilan (Contact Centre) untuk sebarang pertanyaan berkaitan proses pendaftaran atau berkaitan kempen.

##### **c) Bagi “Pelanggan Dapat Pelanggan” (PDP)**

- i. PDP disarankan untuk membuat pemasaran pada pelanggan masing-masing.
- ii. PDP boleh juga membantu pelanggan masing-masing untuk mendaftar menggunakan khidmat kod QR BRICK yang disediakan pada laman web Bank Rakyat.



Bank Pilihan Anda

3. Bagi pelanggan yang berjaya mendaftar pada bulan Oktober hingga November 2024, mereka akan menikmati peluang untuk memenangi Cabutan Hadiah di mana pemenang akan mendapat RM100 dalam Akaun Pelaburan-i Rizq Plus.
4. Penyertaan kempen ini adalah tertakluk pada kelulusan Bank Rakyat sepenuhnya dan juga terma dan syarat yang terkandung di sini.
5. Bank Rakyat boleh meluluskan atau menolak sebarang pendaftaran, permohonan pembiayaan dan penyertaan kempen ini.

#### B. Tempoh Pendaftaran

1. Tempoh pendaftaran untuk menyertai kempen bermula pada 23 Oktober 2024 sehingga 30 November 2024.
2. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh pendaftaran ini sekiranya perlu. Sebarang perubahan akan dimaklumkan menerusi laman web rasmi atau media sosial Bank Rakyat.

#### C. Tempoh Kempen

1. Tempoh kempen bermula 15 Disember 2024 sehingga 31 Mac 2025
2. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu. Sebarang perubahan akan dimaklumkan menerusi laman web rasmi atau media sosial Bank Rakyat.

#### D. FAEDAH KEMPEN

1. Pelanggan yang berdaftar dan membuat pembiayaan dalam tempoh kempen akan layak untuk menikmati faedah/ganjaran seperti berikut:

	Manfaat	Kadar Pembiayaan Istimewa	Perlindungan Takaful Kemalangan Diri (PA) tahun pertama tanpa bayaran	Lain-lain
1.	Pembiayaan Peribadi -i	Ada	Ada	Tiada
2.	Pembiayaan Kenderaan -i	Ada	Ada	Tiada
3.	Pembiayaan Perumahan -i	Tiada	Ada	Tiada
4.	Kad Kredit-i	Tiada	Ada	Kad Petrol bernilai RM50

Nota:

1. Kadar keuntungan pembiayaan istimewa awam bagi Pembiayaan Peribadi-i dan Pembiayaan Kenderaan-i (pada kadar BPA).
2. Perlindungan Takaful kemalangan diri (PA) bernilai RM20,000 untuk tahun pertama tanpa bayaran bagi Pembiayaan Peribadi-i, Pembiayaan Kenderaan-i, Pembiayaan Perumahan-i, serta pelanggan Kad Kredit-i.
3. Pelanggan Kad Kredit-i akan menerima kad petrol bernilai RM50 bagi kad yang telah diluluskan dan diaktifkan.

## E. Lain-Lain

1. Dengan menyertai kempen ini, pendeposit/ pelanggan bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat yang boleh dilayari di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).
2. Pendeposit/ pelanggan bersetuju untuk memberikan hak eksklusif kepada Bank Rakyat untuk mencetak dan menerbitkan nama dan gambar untuk tujuan promosi di akhbar, majalah, laman web korporat Bank atau mana-mana saluran yang sesuai yang ditetapkan oleh Bank.
3. Dengan menyertai kempen ini, pendeposit/ pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan penggunaan promosi nama pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk komunikasi, perdagangan promosi, secara keseluruhan dalam mana-mana media yang dirancang sekarang atau selepas ini tanpa pampasan lanjut melainkan dilarang oleh undang-undang.
4. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman web Bank atau mana-mana medium komunikasi lain yang sesuai dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan akan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan atau diterbitkan.
5. Bank Rakyat berhak untuk menolak dan/atau mengeluarkan mana-mana penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan atau tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.

6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kerugian, kekurangan atau kerosakan yang berkaitan dengan karya seni atau pembayaran kepada pemenang.
7. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan dalam borang penyertaan, pemberitahuan atau sebarang surat-menyurat sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang sesuai.
8. **PENAFIAN: TERTAKLUK SEJAUH YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MANA-MANA PESERTA ATAU PELANGGAN (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK MANA-MANA KERUGIAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, AKIBAT KEROSAKAN ATAU GANTI RUGI TELADAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PESERTA ATAU PELANGGAN DALAM KEMPEM INI, SAMA ADA LIABILITI AKAN TIMBUL DARIPADA SEBARANG TUNTUTAN BERDASARKAN KONTRAK, WARANTI, TORT (TERMASUK KECUAIAN), TANGGUNGJAWAB ATAU PIHAK LAINNYA DAN SEBARANG KERUGIAN TERSEBUT ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
9. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan yang disebabkan oleh bencana alam, perang, perisikan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik atau pandemik, kegagalan sistem atau sebarang keadaan di luar kawalan Bank.
10. Dengan menyertai kempen ini, pendeposit/ pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan Bank Rakyat yang muktamad, mengikat dan konklusif.
11. Terma dan Syarat akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang di Malaysia.
12. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 80 5454 atau kunjungi cawangan Bank Rakyat atau layari laman sesawang rasmi Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).